

**URUSAN PEMANGKUAN
BAGI SKIM PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL DAN
PEMBANTU PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL,
PERKHIDMATAN GUNASAMA PERSEKUTUAN**

1. Dimaklumkan bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sedang dalam proses persediaan **urusan Pemangkuan** bagi skim perkhidmatan **Penolong Pegawai Latihan Vokasional (PPLV) dan Pembantu Pegawai Latihan Vokasional (Pem. PLV)** Perkhidmatan Gunasama Persekutuan. Sehubungan itu, PPLV dan Pem. PLV yang telah memenuhi syarat yang ditetapkan adalah dipelawa untuk mengemukakan permohonan mengikut urusan berikut:

- i. Pemangkuan dari Gred DV36 ke Gred DV38;
- ii. Pemangkuan dari Gred DV29/30 ke Gred DV36; dan
- iii. Pemangkuan dari Gred DV19 ke Gred DV22.

2. **Syarat-syarat Umum Permohonan:**

- i. Telah disahkan dalam perkhidmatan;
- ii. Markah LNPT tahun terkini (2022) dan markah keseluruhan (wajaran) LNPT bagi tiga (3) tahun terkini (2020, 2021, 2022) tidak kurang 80%;
- iii. Bebas daripada tindakan atau hukuman tatatertib;
- iv. Telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa;
- v. Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) – tempoh sah (6 bulan);
- vi. Bebas daripada senarai Peminjam Tegar Institusi Pinjaman Pendidikan daripada institusi pinjaman pendidikan; dan
- vii. Diperakukan oleh Ketua Jabatan.

3. **Syarat-syarat Khusus Permohonan:**

3.1 **Pemangkuan dari Gred DV36 ke Gred DV38:**

- a. Dinaikkan pangkat ke **Gred DV36** pada **31.12.2017 dan sebelum**;
- b. Tidak hilang kekananan yang boleh menyebabkan tarikh kenaikan pangkat ke Gred DV36 **berubah kepada tarikh 01.01.2018 dan seterusnya.**

3.2 **Pemangkuan dari Gred DV29/30 ke Gred DV36;**

- a. Dilantik ke **Gred DV29/** dinaikkan pangkat ke **Gred DV30** pada **31.12.2016 dan sebelum**;
- b. Tidak hilang kekananan yang boleh menyebabkan tarikh lantikan ke Gred DV29/ tarikh kenaikan pangkat ke Gred DV30 **berubah kepada tarikh 01.01.2017 dan seterusnya.**

3.3 Pemangkuan dari Gred DV19 ke Gred DV22:

- a. Dilantik ke **Gred DV19** pada **31.12.2020 dan sebelum**;
- b. Tidak hilang kekananan yang boleh menyebabkan tarikh lantikan ke Gred DV19 **berubah kepada tarikh 01.01.2021 dan seterusnya.**

Hilang kekananan adalah disebabkan faktor-faktor berikut:

- a) semua jenis cuti yang tidak dibayar gaji atau dibayar separuh gaji kecuali Cuti Belajar Separuh Gaji atau Cuti Belajar Tanpa Gaji yang diluluskan oleh pihak berkuasa berkenaan;
- b) pegawai yang pernah dilantik ke jawatan dalam skim lain tetapi kemudiannya kembali ke skim perkhidmatan terdahulunya;
- c) tidak hadir bertugas (THB) tanpa cuti, tanpa kebenaran atau tanpa sebab munasabah; dan
- d) terlebih mengambil Cuti Rehat yang berkelebihan.

4. **Cara Memohon:**

4.1 Semua permohonan hendaklah menggunakan borang permohonan seperti berikut:

- a. Senarai Semak
- b. Lampiran A – Borang Pertimbangan Pemangkuan
- c. Lampiran B – Borang Perakuan Ketua Jabatan
- d. Lampiran C – Surat Akuan Pinjaman Pendidikan

4.2 Borang tersebut perlu dikemukakan kepada Pengurusan Sumber Manusia (PSM) / Institusi/ Agensi/ Jabatan/ Kementerian masing-masing. PSM perlu mengemukakan **sebelum atau pada 8 Mac 2024 (Jumaat) :**

- a. maklumat pemohon seperti di **Lampiran D** dikemukakan melalui e-mel kepada urus setia; dan
- b. dokumen permohonan dikemukakan ke alamat berikut:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam
Bahagian Perkhidmatan
Aras 1, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA
(u.p.: Puan Nur Sara Que Zana binti Abdullah)

4.3 Prosedur dan Proses Kerja permohonan adalah seperti di **Lampiran 2.**

5. Urusan Penempatan

Penempatan pegawai yang berjaya dalam urusan pemangkuan adalah di bawah bidang kuasa dan dimuktamadkan oleh JPA berdasarkan kepada kepentingan perkhidmatan awam secara keseluruhan.

6. Pertanyaan

Sila hubungi urus setia JPA berikut:

- a. Puan Zalina binti Morad
03-88854250
zalina.morad@jpa.gov.my

- b. Puan Nur Azreen binti Alimhut
03-88854321
azreen.alimhut@jpa.gov.my

Bahagian Perkhidmatan
Jabatan Perkhidmatan Awam
Tarikh: 08.02.2024